



31 Mac 2015
31 March 2015
P.U. (A) 65

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA KUALA LUMPUR-KARAK) (PINDAAN) 2015

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (KUALA LUMPUR-KARAK HIGHWAY) (AMENDMENT) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN(PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA KUALA LUMPUR-KARAK) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak) (Pindaan) 2015**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 6 Disember 2011.

Penggantian perenggan 2

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak) 1994 [*P.U. (A) 369/1994*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“2. (1) ANIH Berhad diberi kuasa bagi tempoh mulai 6 Disember 2011 hingga 28 Julai 2032 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak yang bermula dari kilometer 19.2 di koordinat U+7394.184, T+2025.955 Grid Cassini Negeri Selangor dan berakhir di kilometer 79.2 di koordinat U-31560.704, T-46053.695 Grid Cassini Negeri Pahang termasuklah Plaza Tol Masuk/Keluar Gombak, Jalan Susur ke Genting, Terowong Genting Sempah, Persimpangan Bertingkat Genting Sempah, Persimpangan Bertingkat Bukit Tinggi, Plaza Tol Masuk/Keluar Bentong, Persimpangan Bentong Barat, Persimpangan Bertingkat Bentong Timur dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 60.0 kilometer oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

(2) Jalan–jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.”.

Pindaan perenggan 3

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Tol yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum memasuki Plaza Tol Masuk/Keluar Gombak yang terletak di kilometer 19.9 di koordinat U+7519.480, T+2730.910 Grid Cassini Negeri Selangor dan Plaza Tol Bentong yang terletak di kilometer 61.8 di koordinat U-26629.020, T-58843.560 Grid Cassini Negeri Pahang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, semua jarak diukur dari kilometer 0.00 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.”.

Penggantian Jadual Pertama dan Kedua

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dan Kedua dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

**KADAR TOL BAGI TEMPOH MULAI 6 DISEMBER 2011 HINGGA 31 JULAI 2015
(BAGI PLAZA TOL GOMBAK DAN PLAZA TOL BENTONG)**

Plaza Tol Keluar : Karak

(1) Plaza Tol Masuk	(2) Tol Kena Dibayar (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
Gombak	5.00	10.00	15.00	2.50	5.00

Plaza Tol Keluar : Karak

(1) Plaza Tol Masuk	(2) Tol Kena Dibayar (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
Bentong	3.00	6.00	9.00	1.50	3.00

Kelas Kenderaan

Kelas 1: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda
(tidak termasuk teksi dan bas)

Kelas 2: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda
(tidak termasuk bas)

Kelas 3: Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih
(tidak termasuk bas)

Kelas 4: Teksi

Kelas 5: Bas

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 2(2)]
PETA LEBUH RAYA KUALA LUMPUR-KARAK

